

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

**JMS 212 - SEJARAH ASIA TENGGARA TRADISIONAL**

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **EMPAT** soalan.

1. Pernah dikatakan bahawa perspektif yang lebih sesuai dalam kajian tentang sejarah Asia Tenggara tradisional ialah pendekatan “tradisi dan perubahan”. Nilai ketepatan pernyataan ini.  
(100 markah)
2. Tidak semua teori tentang kepercayaan primitif didapati secocok dengan pengalaman sejarah Asia Tenggara. Bincangkan.  
(100 markah)
3. Walaupun teori evolusi masih kontroversial, namun pengaruhnya terhadap kajian prasejarah sangat besar. Kupaskan aspek-aspek pengaruh ini.  
(100 markah)
4. Proses pengindiaan lebih banyak dijalankan oleh penduduk India sendiri, tanpa penglibatan secara aktif penduduk tempatan. Dapatkah pernyataan ini menggambarkan keadaan sebenarnya dalam penerapan pengaruh India di Asia Tenggara?  
(100 markah)
5. Bincangkan pengaruh India dari segi falsafah alam semesta, serta jelaskan perbezaannya dengan tradisi pemikiran asli di Asia Tenggara.  
(100 markah)
6. Proses pengislaman di Asia Tenggara tidak akan berjalan dengan lancar jika tidak kerana faktor pergolakan yang berlaku di Asia Barat sendiri. Bahaskan.  
(100 markah)
7. Berbanding dengan pengaruh India di Asia Tenggara, pengaruh Islam tidaklah begitu menyeluruh dan meluas. Sejauhmanakah dakwaan ini dapat dipertahankan?  
(100 markah)
8. Kejatuhan kerajaan Melaka lebih banyak kerana faktor dalaman sendiri. Kupaskan dengan merujuk kepada peranan Mendaliar dan Si Kitul.  
(100 markah)

ooOoo